

Duo Adun PKR dituduh rasuah isu pasir dakwa RPK keliru antara Azmin Ali dan Azmin Karim
The Malaysian Insider
10 Februari , 2012
Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 10 Feb — Duo Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) PKR yang dituduh menerima rasuah isu pasir oleh Raja Petra Kamaruddin (RPK) mengecam sekeras-kerasnya tuduhan RPK yang turut mengaitkan Azmin Ali terhadap isu itu.

Duo berkenaan mendakwa, RPK terkeliru antara Timbalan Presiden PKR itu dengan Azmin Karim, pegawai kepada Shuhaimi Shafiei, Adun Sri Muda berkenaan.

Shuhaimi menegaskan, Azmin Karim juga merupakan pemegang amanah untuk wang bernilai RM50,000 yang dipinjam beliau daripada pemilik syarikat Double Dignity (M) Sdn Bhd, Adnan Abd Mokhtar untuk membantu seorang rakan 'A' yang memerlukan bantuan kewangan bagi membuka syarikat Smartreader di Kota Damansara.

"RPK mungkin terkeliru antara Azmin Ali dan Azmin Karim yang merupakan pegawai saya yang banyak menjalankan tugas bagi pihak saya.

"Wang RM50,000 itu dimasukkan ke dalam akaun Azmin kerana sehingga hari ini, Adnan masih gagal untuk berjumpa saya, untuk saya memulangkan semula wang berkenaan," tegasnya.

Namun begitu, beliau enggan mengulas lanjut mengapa wang tersebut diserahkan kepada Azmin, dan bukan disimpan oleh pihaknya.

Dalam sidang media di ibu pejabat PKR di sini, Shuhaimi turut membidas dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh RPK berkenaan dirinya dan Adun Batu Caves, Amiruddin Shari, dan menegaskan artikel RPK itu berniat jahat terhadap dirinya.

"Saya yakin beliau bersekongkol dengan anasir-anasir Barisan Nasional (BN) bagi mengalih perhatian daripada skandal Pusat Fiddlot Nasional (NFC) yang semakin memuncak.

RPK mengaitkan Ahli Parlimen Gombak itu menerusi satu transkrip perbualan telefon, bahawa Azmin sedang mengumpul dana untuk menghadapi pilihan raya umum.

"Kenyataan RPK mempunyai unsur manipulasi untuk menjadikan ianya satu plot cerita yang sensasi, termasuk transkrip perbualan telefon, seperti dakwaan RPK mempunyai kaitan dengan Azmin Ali, ia telah di tokok tambah" jelas Shuhaimi.

Menurutnya, dakwaan beliau menerima RM50,000 dan RM35,000 adalah tidak benar.

Tambahnya lagi, selain dari sumbangan jamuan hari raya bernilai RM10,000, bayaran yang dibuat kepadanya oleh Double Dignity adalah sebagai kapasitinya sebagai lembaga pengarah syarikat berkenaan yang dilantik bersama-sama Adun Batu Caves, Amiruddin Shari.

"Sepanjang penglibatan saya dalam syarikat itu, saya hanya menerima enam kali pembayaran elaun sebanyak RM5000 sebulan, iaitu dari tempoh Jun hingga Disember 2009, dan Amiruddin menerima tiga kali bagi tempoh Oktober hingga Disember tahun yang sama.

Jelasnya lagi, beliau masih lagi ahli lembaga pengarah syarikat itu manakala Amirudin pula berhasrat meletak jawatan dan telah mengemukakan surat perletakan jawatan, namun masih tiada jawapan daripada pihak syarikat.

"Saya memang merancang untuk meletak jawatan, tetapi saya akan melakukannya dalam mesyuarat agung syarikat yang akan datang," tambahnya yang masih menantikan mesyuarat tersebut diadakan.

Dalam sidang media di ibu pejabat PKR di sini, Shuhaimi turut membidas dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh RPK berkenaan dirinya dan menegaskan artikel RPK itu berniat jahat terhadap dirinya dan juga Amirudin.

"Saya yakin beliau bersekongkol dengan anasir-anasir Barisan Nasional (BN) bagi mengalih perhatian daripada skandal Pusat Fidlot Nasional (NFC) yang semakin memuncak.

Menurutnya lagi, Double Dignity (M) Sdn Bhd adalah syarikat perladangan kepala sawit di Sabah dan tidak pernah berdaftar di bawah Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB). Semalam, RPK mendakwa kedua-dua wakil rakyat PKR itu terlibat dalam skandal rasuah melibatkan aktiviti melombong pasir di Selangor.

RPK mendakwa, Suhaimi dan Amirudin mengambil rasuah untuk menyokong permohonan Double Dignity untuk melombong pasir di Selangor

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/duo-adun-pkr-dituduh-rasuah-i-su-pasir-dakwa-rpk-keliru-antara-azmin-ali-dan-azmin-karim/>